

Audit, pengurusan dana awam lebih ketat cegah 'kemungkaran'

Oleh Prof Madya
Dr Noor Adwa Sulaiman
bhrencana@bh.com.my

Penahanan seorang pendakwah bebas yang dikaitkan dengan siasatan berhubung sumbangan orang awam baru-baru ini mencetuskan perbincangan luas dalam masyarakat.

Persoalan berbangkit adalah sejauh mana organisasi kebajikan dan dakwah di Malaysia mempunyai sistem tadbir urus benar-benar kukuh untuk melindungi amanah dana masyarakat.

Sumbangan orang ramai bukan sekadar transaksi kewangan. Ia amanah yang lahir daripada kepercayaan. Masyarakat menyumbang kerana percaya dana itu

akan digunakan untuk tujuan kebajikan seperti diuar-uarkan.

Apabila timbul dakwaan berlaku salah guna, yang terjejas bukan sahaja reputasi individu atau organisasi tertentu, tetapi keyakinan orang awam terhadap keseluruhan aktiviti berlandaskan nama 'amal'.

Tema ini sebenarnya bukan lagi asing di dalam wacama masyarakat. Drama seperti *Disebalik Jubah* dan *Doa Yang Terlindung* yang mengangkat naratif imej kesucian agama menyembunyikan konflik integriti.

Walaupun bersifat fiksi, mesejnya amat jelas. Simbol dan reputasi tidak mencukupi tanpa sistem telus serta boleh dipertanggungjawabkan. Realiti semasa menunjukkan persoalan ini bukan lagi sekadar drama, tetapi cabaran dalam tadbir urus nyata.

Organisasi kebajikan beroperasi dalam struktur berbeza daripada syarikat komersial. Matlamatnya bukan memaksimumkan keuntungan, tetapi memaksimumkan impak sosial. Namun, dana yang diurus itu tetap dana awam.

Ia menuntut disiplin kewangan yang sekurang-kurangnya setara dengan sektor korporat. Kepercayaan masyarakat adalah aset utama dan apabila ia terhakis, kesannya boleh menular sebagai risiko reputasi kepada seluruh ekosistem amal.

Beberapa kelemahan lazim boleh menyumbang kepada risiko dalam organisasi bukan bersifat keuntungan. Antaranya ialah kawalan dalaman tidak mencukupi.


Banyak pertubuhan bermula secara kecil dan berkembang pesat menerusi sokongan awam. Namun, sistem perakaunan dan pemantauan tidak sentiasa diperkukuh seiring pertumbuhan dana.

Apabila individu sama mengutip, meluluskan dan merekodkan transaksi, ruang risiko salah laku terbuka.

Selain itu, tumpuan kuasa pada satu figura berpengaruh boleh melemahkan semak dan imbang. Kepemimpinan yang kuat mampu menggerakkan sokongan, tetapi tanpa pengawasan bebas oleh badan pentadbir seperti jawatankuasa atau pemegang amanah, keputusan kewangan mungkin tidak diteliti secara objektif.

Tekanan untuk kelihatan cekap juga boleh mempengaruhi pelaporan kewangan dalam organisasi kebajikan. Penderma sering menilai organisasi melalui nisbah perbelanjaan program berbanding kos pentadbiran.

Ini boleh mewujudkan insentif untuk mengklasifikasikan kos tertentu supaya kelihatan lebih baik di atas kertas, walaupun tidak sepenuhnya mencerminkan realiti. Tanpa audit teliti, persepsi kecekapan mungkin tidak selari dengan tadbir urus sebenar.



“Organisasi kebajikan beroperasi dalam struktur berbeza daripada syarikat komersial. Matlamatnya bukan memaksimumkan keuntungan, tetapi memaksimumkan impak sosial. Namun, dana diurus itu tetap dana awam”

Audit bebas wajar dijadikan norma

Pada masa sama, pengumpulan dana secara digital yang semakin pesat menambah kerumitan pengurusan kewangan. Kutipan dalam talian memudahkan sumbangan, tetapi memerlukan sistem rekonsiliasi dan pemantauan lebih canggih. Tanpa penyesuaian struktur kawalan dalaman, risiko kesilapan atau penyalahgunaan meningkat.

Dari sudut kerangka kawal selia, organisasi kebajikan di Malaysia boleh berdaftar di bawah Pendaftaran Pertubuhan (ROS), Suruhanjaya Syarikat Ma-

laysia (SSM) bagi syarikat berhad menurut jaminan atau sebagai badan amanah.

Setiap struktur mempunyai keperluan pematuhan tertentu untuk memastikan tadbir urus yang baik. Namun, banyak aspek tadbir urus bergantung kepada disiplin dalaman organisasi itu sendiri.

Tidak semua entiti diwajibkan menerbitkan penyata kewangan diaudit secara terbuka dan tahap ketelusan berbeza-beza.

Justeru, bagi mengurangkan risiko, beberapa langkah boleh diperkukuh. Antaranya, badan pentadbir perlu berfungsi secara aktif dan bebas, bukan sekadar simbolik. Penyata kewangan perlu diteliti secara substantif dan transaksi signifikan disemak dengan teliti.

Pemisahan tugas dalam pengurusan dana mesti jelas supaya tiada individu memegang kawalan penuh ke atas kutipan dana dan perbelanjaan.

Pemisahan tugas dalam pengurusan dana perlu diwajibkan sebagai amalan standard. Tiada individu seharusnya mengawal keseluruhan rantaian kewangan daripada kutipan hingga pelaporan kewangan organisasi.

Maka, dalam hal ini audit bebas wajar dijadikan norma bagi organisasi mengutip dana awam dalam jumlah besar. Audit bukan sekadar mengesahkan angka dan jumlah, tetapi menilai keberkesanan kawalan dalaman serta mengenal pasti risiko sebelum ia menjadi krisis.

Yang lebih penting, setiap teguran audit mesti disusuli dengan tindakan pembetulan yang dipantau. Ketelusan juga perlu dipertingkatkan menerusi penerbitan laporan tahunan merangkumi penyata kewangan diaudit serta ringkasan penggunaan dana mudah difahami masyarakat.

Mendepani permasalahan ini, masyarakat berhak menuntut standard akauntabiliti tinggi daripada mana-mana organisasi yang mengutip dana atas nama kebajikan dan agama. Tuntutan ini bukan prasyarat, tetapi sebahagian daripada norma tadbir urus sihat.

Dalam sektor kebajikan, nilai wang sebenar bukan sekadar ringgit. Ia adalah kepercayaan ini hanya dapat dipertahankan apabila sistem perakaunan, kawalan dalaman dan audit berfungsi secara berkesan sebagai pelindung integriti yang bukan sekadar formaliti pentadbiran.

